

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 NOVEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7

Tiada data punca subsidi bersasar gagal dilaksana

Tiada data punca subsidi bersasar gagal dilaksana

Usaha perlu dibuat kumpul maklumat terperinci setiap isi rumah

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kegagalan Malaysia melaksanakan subsidi bersasar selama ini adalah disebabkan negara tidak mempunyai maklumat penerima yang terperinci.

Pakar Ekonomi, Prof Emeritus Dr Barjoyai Bardai, berkata pelaksanaan subsidi bersasar bermaksud tumpuan kepada isi rumah, sedangkan statistik atau data yang negara ada sekarang hanya fokus kepada makro dan bukannya data mikro.

Susulan itu, beliau berkata, usaha perlu dibuat bagi mengumpul data setiap isi rumah secara terperinci, termasuk maklumat seperti umur, lokasi tempat tinggal, keadaan ekonomi individu, jenama pakaian dan berapa kali mereka makan.

Katanya, terdapat lebih 40 juta pengguna telefon bimbit di Malaysia dan kerajaan boleh mendapatkan data itu dengan mudah daripada syarikat penyedia per-

khidmatan serta daripada sumber lain.

“Semua pihak menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, supaya subsidi harus bersasar dan tidak dinikmati golongan kaya serta pemain industri.

“Bagaimanapun, Malaysia masih gagal melaksanakannya kerana kita tidak ada data terperinci sedangkan seluruh dunia kini berada di era data analitik.

“Contohnya, bagi subsidi petrol. Jika kita mahu beri kepada penunggang motosikal dan pengguna kenderaan berkuasa rendah, ia boleh dilakukan tetapi kita perlu tahu siapa individu terbabit,” katanya kepada BH, semalam.

Anwar yang mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tin-dakan Sara Hidup Negara 2022, kelmarin, berkata pemberian subsidi kepada rakyat harus dilaksanakan secara bersasar bagi memastikan hanya golongan be-

nar-benar memerlukan dapat menikmatinya.

Beliau berkata, implikasi subsidi perlu diteliti kerana ia tidak bersasar ketika ini, dengan turut dinikmati golongan kaya dan industri.

Susulan itu, Perdana Menteri memberi tempoh dua minggu untuk pihak berkaitan meneliti dan memperincikan pelbagai isu berkaitan subsidi untuk rakyat, termasuk berbincang dengan sektor swasta serta pelabur supaya mereka memahami tujuan subsidi untuk meringankan beban rakyat miskin.

Tangani kos sara hidup
Sementara itu, pakar ekonomi, Tan Sri Ramon Navaratnam, berkata subsidi bersasar adalah satu langkah baik yang boleh menangani masalah terbesar rakyat masa kini iaitu kos sara hidup yang tinggi.

“Subsidi bersasar tidak hanya membabitkan satu jenis subsidi,

sebaliknya membabitkan seluruh keperluan rakyat seperti makanan asas, petrol, utiliti seperti air dan elektrik,” katanya.

Ramon berkata, pelaksanaan subsidi bersasar boleh mengurangkan jurang pendapatan rakyat apabila kumpulan berpendapatan rendah kurang berbelanja berbanding golongan kaya.

Selain itu, katanya, subsidi bersasar juga boleh membantu golongan berpendapatan tinggi mula menjimatkan penggunaan air dan elektrik sesuai dengan agenda mampan negara.

“Subsidi bersasar akan memberi impak kepada pengurusan ekonomi dan dasar negara.

“Amat mudah untuk membekalkan pengguna berpendapatan tinggi dan rendah dengan membuat kajian dalam ramalan jurnal pengguna.

“Bagi pengguna yang menggunakan air dan elektrik melebihi had minimum, mereka perlu membayar kadar lebih tinggi dan pengguna yang kurang menggunakan kemudahan air dan elektrik, boleh diberi pengecualian,” katanya.

Mengakui tidak ada sistem yang sempurna, Ramon berkata, sekurang-kurangnya ia mampu membantu mengurangkan beban pengguna berpendapatan rendah.

Bagi Pengurus Persatuan Ibu Berdikari An Nur Puncak Alam, Jamilah Zainol, subsidi yang diberikan kepada golongan kaya membazirkan duit kerajaan.

Bagi subsidi petrol. Jika kita mahu beri kepada penunggang motosikal dan pengguna kenderaan berkuasa rendah, ia boleh dilakukan tetapi kita perlu tahu siapa individu itu

Barjoyai Bardai,
Pakar Ekonomi

